
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HMT 504 – MORFOLOGI DAN SINTAKSIS BAHASA MELAYU
LANJUTAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

BAHAGIAN A : Jawab SEMUA soalan.
BAHAGIAN B : Jawab DUA soalan sahaja.
Jawab EMPAT soalan kesemuanya.

Bahagian A: Jawab SEMUA soalan.

1. Berpandukan **DATA 1** di bawah, jawab soalan [a] dan [b]:

DATA 1	
[i]	Ahmad polis.
[ii]	Ahmad sangat jahat.
[iii]	Ahmad sedang minum air.
[iv]	Ahmad ke kedai.

- [a] Mengikut *Tatabahasa Dewan* (1997), bahasa Melayu mempunyai empat pola ayat dasar. Berpandukan ayat dalam **DATA 1** di atas bincangkan pola-pola tersebut.

[25 markah]

- [b] Huraikan cara anda menyangkal keempat-empat pola ayat dasar dalam [a] serta membuktikan bahawa pola ayat dasar bahasa Melayu hanya terdiri daripada struktur-D FN FLEKSI FK berpandukan ayat [iii] dalam **DATA 1**.

[25markah]

2. Jawab [a] dan [b] berpandukan **DATA 2** di bawah:

DATA 2	
[i]	Danish sedang tidur.
[ii]	Ali makan nasi di dapur.

- [a] Berpandukan kata kerja *tidur* dalam ayat [i] dan kata kerja *makan* dalam ayat [ii] dalam **DATA 2** di atas huraikan kesemua masukkan leksikal yang berkaitan dengan perkataan-perkataan tersebut.

[25 markah]

- [b] Lakarkan rajah pohon struktur-L bagi ayat [i] dan [ii] dalam **DATA 2** di atas dan bincangkan konsep **adjung**, **komplemen** dan **spesifier**.

[25 markah]

...3/-

Bahagian B: Jawab mana-mana DUA soalan.

3. Berpandukan **DATA 3**, jawab [a] dan [b]:

DATA 3	
[i]	Farid suka menyanyi.
[ii]	Fauziah telah pergi ke kedai.
[iii]	Fauziah membeli buah rambutan.
[iv]	Jelani memberi surat itu kepada pensyarahnya.

[a] Lakarkan satu rajah pohon struktur-L bagi ayat [i], [ii], [iii] dan [iv] dalam **DATA 3** di atas.

[20 markah]

[b] Berpandukan rajah pohon bagi setiap ayat di atas, huraikan penandaan teta dan penandaan kasus.

[30 markah]

4. Berpandukan **DATA 4**, jawab soalan [a] dan [b]:

DATA 4	
[1]	a. Nasi saya makan. *b. Nasi saya makan nasi.
[2]	a. Dia Aminah sangat suka. *b. Dia Aminah sangat suka dia.
[3]	a. Di dalam rumah itu, saya tinggal. *b. Di dalam rumah itu saya tinggal di dalam rumah itu.

[a] Bincangkan fenomena yang telah berlaku pada ayat [1a], [2a] dan [3a].

[25 markah]

[b] Bincangkan dan huraikan ketidakgramatisan ayat [1b], [2b] dan [3b].

[25 markah]

5. Soalan [a] hingga [c] adalah berdasarkan **DATA 5**:

DATA 5

- [i] Di atas mejakah Ameerul meletakkan buku itu?
- [ii] Pergi ke sekolahkah Ahmad?
- [iii] Mengapakah kamu memukul Ali?
- [iv] Apakah awak lihat?

- [a] Lakarkan satu rajah pohon struktur-D dan struktur-L bagi setiap ayat [i], [ii], [iii] dan [iv] dalam **DATA 5** di atas.

[20 markah]

- [b] Berpandukan ayat soal dalam **DATA 5** bincangkan kata partikel '-kah' dan hubungannya dengan konsep in-situ dan transformasi kata soal bahasa Melayu.

[15markah]

- [c] Berpandukan tikas yang terhasil dalam rajah pohon struktur-L bagi setiap ayat di atas, bincangkan Prinsip Kategori Kosong yang mengawal tikas tersebut.

[15 markah]